

Sumbangan Tuan Guru Nik Abdul Aziz kepada Pembangunan Pentadbiran Islam di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan

Shukeri Mohamad¹

Mohamad Azrien Mohamed Adnan²

Ahmad Najib Abdullah³

Nor Hazrul Mohd Salleh⁴

Abstrak

Sumbangan ulama kepada pentadbiran negara adalah suatu yang menarik untuk dibincangkan pada zaman pasca kemerdekaan, Hal ini, kerana diketahui bahawa pihak penjajah telah mengetepikan peranan ulama dalam pentadbiran ketika mereka menjajah dan warisan tersebut telah diteruskan selepas merdeka. Namun, apabila Tuan Guru Nik Aziz diberi peranan sebagai Menteri Besar Kelantan pada tahun 1990 melalui gagasan perpaduan ummah yang berjaya memenangi pilihanraya umum ke-10, maka Tuan Guru telah membawa berbagai-bagai pembaharuan pentadbiran yang berteraskan Islam sehingga menjadi sumber inspirasi pihak lain. Bagi melengkapkan kajian ini, maklumat dan rujukan artikel ini adalah berasaskan sumber rasmi kerajaan Kelantan di samping buku-buku, jurnal dan lain-lain. Maklumat tersebut telah dianalisa dalam kerangka konsep pentadbiran Islam yang dikenali sebagai Siasah Syariyyah. Artikel ini merakamkan bahawa Tuan Guru telah memberikan sumbangan yang besar kepada dunia pentadbiran samada dari segi prinsip atau pendekatannya.

Abstract

The contribution of scholars to the administration of the country is interesting to discuss in the post-independence era. It is known that the colonialists had set aside the role of scholars in the administration when they colonized and the heritage was continued after independence. However, when Tuan Guru Nik Aziz was given Kelantan's Chief Minister's role in 1990 through the idea of unity of the ummah that won the 10th general election, Tuan Guru has brought various administrative reforms based on Islam to be a source of inspiration for others. To complete this study, the information and references of this article are based on the official sources of the Kelantan government in addition to books, journals and others. The information has been analyzed within the framework of the concept of Islamic administration known as Siasah Syariyyah. This

¹ Shukeri Mohamad, PhD, Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri

² Mohamad Azrien Mohamed Adnan, PhD, Guru Bahasa di Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur.

³ Ahmad Najid Abdullah, PhD, Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri

⁴ Nor Hazrul Mohd Salleh, PhD, PhD, Guru Bahasa di Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri

article records that Tuan Guru has made a significant contribution to the world of administration either in terms of principles or approaches.

Kata kunci: Sumbangan Tuan Guru, Pentadbiran Islam, Kelantan

PENDAHULUAN

Tuan Guru Dato Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan ikon besar dalam menjayakan konsep Pentadbiran Islam. Semasa menjadi Menteri Besar, beliau telah menjadikan Islam sebagai panduan utama dalam pentadbiran kerajaan Negeri Kelantan. Antara pencapaian terbaik beliau ialah membawa pembangunan Islam kepada rakyat Kelantan. Kejayaan tersebut merupakan satu rekod sejarah di mana tokoh agama yang bergelar tok guru telah memimpin kerajaan dengan jayanya, walaupun ditekan dari pelbagai sudut oleh pihak musuh politiknya. Untuk mengetahui pencapaian tersebut, kertas ini akan menghuraikan kejayaan-kejayaan besar Tuan Guru dalam aspek pembangunan yang berteraskan Islam.

PENGENALAN RINGKAS TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ B. NIK MAT

Tuan Guru dilahirkan di Kampung Pulau Melaka pada tahun 1931 dalam keluarga yang kuat keagamaannya. Beliau merupakan anak kedua daripada isteri pertama bapanya. Ketika berusia enam tahun beliau memulakan persekolahan di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat, tetapi tidak lama, kerana dihantar memasuki pengajian pondok yang dikendalikan oleh Tok Kenali di Kubang Kerian. Minat beliau dengan pengajian pondok sangat tinggi sehingga dapat mengatasi penuntut-penuntut lain.⁵ Peranan bapanya sangat besar dalam menjayakan pendidikan Tuan Guru semenjak kecil lagi. Pada usia remaja beliau menyambung pengajian pondok di bawah pimpinan Tuan Guru Haji Abbas di Besut, Terengganu. Kebolehan beliau terserlah dan diberi kepercayaan untuk menjadi imam solat dan mengajar al-Quran ketika pulang ke kampung.⁶

Pada tahun 1952 beliau menyambung pengajian di Universiti Deoband India, di bawah bimbingan tokoh-tokoh ulama hadith yang terkenal seperti Maulana Husain Ahmad al-Madani. Setelah tamat pengajian pada tahun 1957, beliau mendalami bidang pengajian tafsir di Lahore Pakisatan pula.⁷

Seterusnya beliau memasuki Universiti al-Azhar mesir dalam jurusan Pengajian Bahasa Arab. Setelah berjaya beliau melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam jurusan Syariah (perundangan Islam). Selepas itu beliau sempat mengikuti pengajian diploma, tetapi tidak sempat menghabiskannya kerana membuat keputusan untuk pulang ke tanah air pada awal tahun 1962.

Jauh sekali perjalanan ilmu dan pengalaman beliau di luar negara, iaitu selama hampir 12 tahun. Setelah kembali ke Kelantan, kerjaya beliau yang pertama ialah sebagai guru di Sekolah Menengah Agama Tarbiyyah Mardiah, Panchor. Kemudian berpindah ke sekolah bapanya Sekolah Agama Darul Anwar sebagai tenaga pengajar .

⁵ Jamal Mohd. Lokman Sulaiman (1999), *Biografi Tuan Guru Dato Haji Nik Abdul Aziz, Seorang Ulama serta Ahli Politik Malaysia di Abad ke 20*, Sulfa Human Resources Development, h 13, Ismail Yusuf, "Nik Aziz: Pemikir Islam dan Penglibatan Politik", *Pemikir*, Oktober 2000, h. 60.

⁶ Jamal Mohd Lokman Sulaiman, *op.cit.* h. 15

⁷ *Ibid.* h. 16

Tuan Guru telah mendirikan rumahtangga dengan Sabariah bt. Tuan Ishak iaitu pada November 1962, ketika usianya 31 tahun. Isteri beliau merupakan anak keempat dari enam orang adik beradik. Semasa berkahwin, Sabariah berusia 14 tahun. Kedua-dua orang tuanya adalah sahabat karib kepada keluarga Nik Aziz sendiri kerana sama-sama terlibat dengan institusi pengajian pondok. Semasa berkahwin Tuan Guru bertugas sebagai penyelia kelas dewasa, manakala isterinya sempat menyambung ke Sekolah Naim li al-Banat sebelum di kahwinkan

Pada tahun 1964, Tuan Guru bertugas sebagai guru di Maahad Muhammadi Kota Bharu. Manakala dalam politik, beliau terlibat secara langsung dalam bidang politik semasa memenangi pilihanraya kecil Parlimen Kawasan Pengkalan Cepa, kerana menggantikan calon PAS yang meninggal dunia (Tuan Haji Ahmad Abdullah), iaitu pada tahun 1967.

Tuan Guru dan isterinya dikurniakan sepuluh orang cahaya mata, iaitu lima putera dan lima puteri. Mereka ialah: Noraini anak sulung bertugas sebagai pensyarah di sebuah Maktab Perguruan di Kuala Lumpur. Anak-anak yang lain yang mendapat pendidikan agama peringkat tinggi ialah: Nik Omar, Nik Abdul Rahim, Nik Adilah, Nik Adli, Nik Muhammad Abduh, Nik Mohd Asri, Nik Amani, Nik Amalina dan Nik Asma Salsabila.⁸

Tuan Guru memilih cara hidup yang sederhana dalam segala hal seperti berpakaian dan kediaman dengan mendiami rumah kayu bersama keluarganya, tanpa barang mewah.⁹

PENGLIBATAN TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ. NIK MAT DALAM POLITIK TANAH AIR.

Pilihanraya kecil parlimen sebagai calon PAS pada tahun 1967, merupakan titik mula penglibatan secara langsung Tuan Guru dalam kegiatan politik. Beliau berjaya mengekalkan kerusi parlimen Kelantan Hilir tersebut bagi tempoh 1969 hingga 1974. Selepas itu Kawasan Parlimen tersebut ditukar kepada Parlimen Pengkalan Cepa. Pada tahun 1978 beliau dilantik menjadi Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan, di samping memegang jawatan sebagai Ketua Dewan Ulama PAS Pusat. Pada tahun tersebut beliau terus mengekalkan kerusi Parlimen Pengkalan Cepa hingga 1982 bagi penggal yang keempat. Pada pilihanraya 1986 Tuan Guru bertanding di Parlimen Bachok dan tewas kepada calon BN. Namun begitu beliau berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Semut Api.¹⁰ Dalam pilihanraya 1990 Tuan Guru berjaya mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri, seterusnya telah dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan¹¹ setelah PAS berjaya menumbangkan BN hasil gabungan dengan parti S46, BERJASA dan HAMIM. Gabungan tersebut diberi nama Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Maka tertubuhlah kerajaan baru yang dikenali sebagai Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah.

KONSEP PEMBANGUNAN PENTADBIRAN ISLAM

Tuan Guru telah memperkenalkan satu slogan pentadbiran yang baru “Membangun Bersama Islam” sebagai satu langkah untuk membawa kemajuan yang bersepadu (fizikal dan spiritual), bukan hanya tertumpu kepada aspek kebendaaan/fizikal semata-mata.

⁸ *Ibid.* h. 20

⁹ *Ibid.* h. 21

¹⁰ *Ibid.* h. 72-96

¹¹ Yahya Ismail menyebut bahawa " Inilah pertama kali seorang ulama yang berwibawa menjadi Menteri Besar sebuah negeri. Lihat Yahya Ismail, *Perayaan Jubli Emas 50 Tahun PAS, Tuan Guru Nik Aziz Kepimpinan Ulama Dalam Politik Nasional*, Petaling Jaya (2001): Usaha Teguh Sdn. Bhd. h. 4

Sebaliknya beliau mengamalkan konsep pembangunan bersepadu dalam pentadbiran, dengan meletakkan pembangunan insan sebagai keutamaan.¹² Dengan kata lain, pembangunan ekonomi dan fizikal tidak dilaksanakan mengikut falsafah kebendaan/keduniaan yang bercanggah dengan prinsip halal dan haram, sebaliknya menjadikan perhitungan akhirat sebagai landasan. Di atas asas ini beliau segera memperbetulkan kesilapan-kesilapan silam, contohnya: memindahkan simpanan tetap kerajaan daripada bank riba ke Bank Islam, kerana mengambil perhitungan akhirat (dosa pahala) dalam urusan kewangan negeri. Jadi apa yang dimaksudkan dengan pembangunan pentadbiran Islam dalam artikel ini ialah hal-hal pentadbiran yang membawa kebaikan dan keuntungan kepada Islam dan umatnya samada dalam aspek peribadatan dan pegangan hidup, kemasyarakatan, pendidikan, kepimpinan, institusi dakwah, perundangan dan sebagainya. Dengan kata lain, pentadbiran yang dibawa oleh Tuan Guru adalah sesuatu yang menaikkan imej Islam sebagai sebuah agama yang menerima kemajuan dan pembaharuan.

KEPIMPINAN TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ B. NIK MAT

Penonjolan kepimpinan Tuan Guru amat ketara setelah diberi mandat menerajui pentadbiran kerajaan negeri bermula tahun 1990¹³. Banyak cetusan idea dan pemikiran beliau telah menjadi kenyataan, walaupun menghadapi berbagai kesukaran atau suasana yang agak kontroversi, terutamanya tekanan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang menguasai Kerajaan Pusat. Malah ada pihak yang meremehkan beliau, bahawa kepimpinan beliau akan jatuh selepas tiga bulan, kerana menganggap beliau tidak tahu mentadbir kerajaan.¹⁴ Namun begitu kepimpinan beliau dapat bertahan sehingga akhir penggal pemerintahannya yang pertama. Kepimpinan beliau menjadi lebih menarik apabila beliau telah mendapat mandat sekali lagi dalam Pilihanraya Umum kesembilan pada tahun 1995.

Di peringkat awal pentadbiran beliau, seluruh perhatian masyarakat tertumpu kepada corak kepimpinan dan siasah beliau. Mereka menanti dengan penuh minat setiap perubahan yang diperkenalkan, lebih-lebih lagi apabila perubahan itu telah disensasikan sebagai isu politik oleh pihak Barisan Nasional (BN). Media masa cetak dan elektronik memberi ruang yang selesa kepada kerajaan pusat untuk mengkritik, menghentam dan menolak perubahan itu.

Pada dasarnya diakui bahawa siasah beliau adalah berbeza dengan siasah kerajaan BN sebelum itu,¹⁵ sebagaimana yang dapat dilihat dalam falsafah kepimpinan dan amalan pentadbiran yang berikut:

Pertama: Falsafah Kepimpinan

Falsafah Kepimpinan Ulama bermaksud pemimpin adalah pemikul amanah Allah untuk melaksanakan segala perintahNya dalam Negeri Kelantan dan dikira melakukan ibadat sewaktu menjalankan tugas kepimpinan apabila ia menjalankan urusan pentadbiran

¹² *Ibid*, h.124

¹³ Perlembagaan Parti Islam se Malaysia (PAS) (Pindaan 2001) fasal 5 (1) menyebut dasar perjuangan: Memperjuangkan wujudnya di dalam Negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah.

¹⁴ Hj Mohd Daud, Hj. Wan Jamil Wan Mahmood, Ramli Abdul Halim (2000), *Status Kelantan Pasti Berubah*, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKNK), h. 38

¹⁵ Drs. Zainuddin Awang Hamat, " Sepuluh Tahun Memerintah Minda Manusia", dalam Dinsman (ed.) (2000) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Pusat Kajian Strategik Kelantan, h. 12-13

mengikut kehendak Islam, malah akan dipertanggungjawab oleh Allah jika menyeleweng kerana ia dikira berdosa. Beliau selalu menegaskan bahawa Islam adalah dasar yang terbaik untuk seluruh manusia, kerana ia datang dari Allah Taala.

Bertolak dari falsafah itulah, beliau telah menetapkan bahawa segala urusan politik dan pentadbiran hendaklah menepati prinsip Islam, tidak boleh mengubah atau lari dari dasar Islam.¹⁶, kerana dasar lain yang bercanggah dengan Islam akan membawa kerosakan. Falsafah sangat penting kerana merupakan tonggak kepada segala kegiatan yang lain.

Kedua: Sumber dan rujukan kepimpinan

Segala urusan pemerintahan adalah berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Tuan Guru mengakui bahawa banyak pengajaran dan ilmu yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah yang dijemakan ke dalam pelaksanaan melalui program pembangunan Islam, dakwah dan pembangunan insan di Kelantan. Lebih-lebih lagi beliau memang pakar dalam bidang ilmu al-Quran dan al-Sunnah¹⁷ Contohnya mengajak orang Islam menghayati solat di mana Kerajaan Negeri menganjurkan program Bulan Sembahyang. Begitu juga Kerajaan Negeri meluluskan Kanun Jenayah Syariah 2 Kelantan.¹⁸

Dalam perkara-perkara yang tidak dinyatakan al-Quran dan al-Sunnah secara langsung, beliau menggunakan kaedah ijtihad untuk menggarap urusan pentadbiran menurut kehendak Islam. Banyak pembaharuan yang dilakukan berlandaskan kaedah ijtihad ini seperti mengadakan papan tanda berunsurkan Islam, menambah cuti bersalin kepada enam puluh hari dan sebagainya.

Ketiga: Peranan dan Tanggungjawab Kepemimpinan

Tuan Guru telah menegaskan bahawa peranan kepimpinan beliau sebenarnya mewarisi kepimpinan Rasulullah s.a.w dengan merujuk kepada hadith Nabi yang berbunyi:

وإن العلماء هم ورثة الأنبياء¹⁹

Maksudnya: Para Ulama itu adalah pewaris para Nabi

Perkara ini bertepatan dengan paparan yang dinyatakan oleh para ulama, seperti al-Mawardi, iaitu pemimpin memikul tanggungjawab: “*iqamah al-din wa siyasa al-Dunya bih*”²⁰,

¹⁶ Inilah intipati yang disebutkan oleh Dato Menteri Besar dalam sesi wawancara dengan Drs. Zainuddin Awang Hamat yang dimuatkan dalam buku *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*, hal. 1-15

¹⁷ Lihat susur galur pengajian Tinggi Dato Nik Aziz. Pada tahun 1952 memulakan Pengajian Hadith di India dengan pakar Hadith terkenal Maulana Husain Ahmad al-Madani. Tahun 1958, mendalami pengajian tafsir di Lahore, Pakistan, Kemudian ke Mesir menyambung pengajian di Universiti al-Azhar dalam jurusan Bahasa Arab dan Undang-undang Islam.

¹⁸ Wan Ismail bin Wan Jusoh (1999) *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu; Dian Darulnaim Sdn Bhd . hal. 201-204

¹⁹ Al-Bukhariy (1986) *Sahih al-Bukhariy* (Cetak Bersama kitab *Fath al-Bari*), Kaherah; Dar al-Rayyan, Juz 1, hal. 192.

²⁰ Al-Mawardi (1973) *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyah*, Mesir; Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, hal. 5

Iaitu: 1. Mendaulatkan Agama Islam secara langsung melalui pentadbiran negara dan politik, seperti aspek pentadbiran dakwah, kekeluargaan, ibadat, zakat, haji, hukum jenayah, keadilan dan sebagainya. 2. Menguruskan pentadbiran awam berpandukan prinsip Islam seperti pengurusan kewangan, pembangunan ekonomi, pentadbiran tanah, pertahanan, pendidikan dan sebagainya

Dalam konteks Kerajaan Kelantan, kepimpinan Tuan Guru telah melaksanakan tanggungjawab pentadbiran meliputi berbagai sektor seperti pentadbiran kewangan, tanah, dakwah, pendidikan, perundangan, kebudayaan dan sebagainya.

Keempat: Sifat/kriteria dan keperibadian kepimpinan

Sebenarnya kriteria kepimpinan menjadi faktor penting dalam membentuk dan mencorakkan halatuju pembangunan seperti kesederhanaan, pengorbanan, ketakwaan dan sebagainya.²¹ Tuan Guru sendiri memiliki sikap warak, berkorban, sederhana, jujur dan ikhlas. Inilah yang menjadi faktor kejayaan program pembangunan Islam. Beliau menunjukkan teladan terbaik keperibadian pemimpin yang terpuji seperti memotong berbagai jenis elauan, penghayatan budaya majlis, kawalan terhadap bibit-bibit berlakunya budaya rasuah dan sebagainya.

Oleh kerana pembangunan Islam merupakan produk yang lahir daripada kepimpinan yang memiliki kualiti diri, maka produk pentadbiran Islam yang tinggi nilainya tidak dapat dicapai dalam arus kepimpinan yang tidak menghayati aspek keperibadian, akhlak, kefahaman dan penghayatan Islam. Sebab itu kerap berlaku unsur-unsur penindasan, kezaliman, penipuan, tekanan, perbalahan berpanjangan dan sebagainya. Dengan kata lain, kepimpinan yang tidak berkualiti akan menyuburkan budaya konflik yang berpanjangan bagi membolehkan mereka terus menguasai tampuk kekuasaan dalam situasi tegang dan berpuak-puak itu.

Kelima: Prinsip Pengurusan Kepimpinan dan organisasi

Tuan Guru telah menggariskan prinsip pengurusan pentadbiran beliau seawal beliau memegang tampok pemerintahan Negeri Kelantan, iaitu *Ubudiyyah*, *Mas'uliyah* dan *Itqan*. Ia juga disebut sebagai prinsip pentadbiran. Para pegawai kerajaan didedahkan dengan tiga prinsip utama yang dapat memandu pentadbiran dan pengurusan menjadi lebih mantap. Buku "Kelantan Universiti Politik Terbuka" menyebut dan menghuraikannya sebagai Tiga Prinsip Pegawai seperti berikut:

Pertama: Ubudiyyah

Dalam konteks pemimpin dan pegawai kerajaan, mereka dikehendaki menjalankan tugas sebagai satu tanggungjawab mengabdikan diri kepada Allah (beribadat kepada Allah), bukan semata-mata untuk mendapat upah/habuan keduniaan. Oleh itu mereka hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh syariah Islam, mempunyai peribadi luhur, akhlak mulia dan jiwa yang bersih, sentiasa tunduk dan patuh kepada Allah. Kalau tidak, kerja-kerja yang mereka jalankan dalam pentadbiran menjadi sia-sia di sisi Allah S.W.T. Inilah yang dimaksudkan dengan "kerja sebagai ibadat".

Kedua: Mas'uliyah

Iaitu bertanggungjawab dan amanah atau tidak khianat dan tidak menyeleweng. Seorang pemimpin atau pegawai perlu menyedari bahawa tugasnya bukanlah satu peluang untuk mengaut keuntungan peribadi, tetapi ia merupakan satu amanah yang berat untuk menjaga

²¹ Tarmizi Mohd Jam (1995) *Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Kelantan Agenda Baru Untuk Umat Islam*, hal 86

kepentingan masyarakat. Oleh itu mereka tidak boleh melakukan penipuan, pengkhianatan, kezaliman dan rasuah dalam menjalankan tugasnya.

Ketiga: Itqan

Iaitu serius, bersungguh-sungguh dan istiqamah. Pegawai dan pemimpin kerajaan perlu menjalankan tugas pada tahap yang terbaik, bagi menjamin hasil dan kejayaan yang cemerlang. Mereka hendaklah meningkatkan kemampuan dan kepakaran diri dari masa ke semasa dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan urusan dan kerjaya, supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan.

SUMBANGAN TUAN GURU DATO NIK ABDUL AZIZ TERHADAP PENTADBIRAN ISLAM

Kepimpinan Tuan Guru telah mencatatkan sejarah tersendiri dalam memartabatkan kedudukan Islam, apabila beliau dianggap telah mencetuskan berbagai-bagai pembaharuan dalam pentadbiran dan politik, antaranya:

Pertama: Memperkenalkan Kaedah dan Pendekatan Pentadbiran Yang Unik

Menghidupkan prinsip kedaulatan Syariah dalam urusan pentadbiran

Kepimpinan Tuan Guru telah memartabatkan prinsip-prinsip Islam yang menjadi panduan utama dan asas dalam sektor pentadbiran. Sebab itu kepimpinan ulamak mengambil langkah memastikan tidak ada program kerajaan yang bercanggah dengan kehendak Syariah Islamiyyah.

Menggunakan nas Syarak dalam sistem pentadbiran

Kepimpinan Tuan Guru telah berjaya mengangkat kedudukan al-Quran dan al-Sunnah menjadi sumber rujukan utama sebagaimana yang dilakukan oleh Kepimpinan Rasulullah S.A.W dan para sahabatnya. Banyak langkah yang telah dilakukan oleh Kerajaan adalah berpandukan kepada ayat al-Quran dan Hadith secara langsung seperti arahan menutup aurat kepada kakitangan awam dan peniaga-peniaga.

Memperkenalkan Amalan Ijtihad dalam Pentadbiran

Penggunaan ijtihad dalam urusan pentadbiran amat penting memandangkan terlalu banyak kes dan perkara yang memerlukan penyelesaian secara ijtihad. Kepimpinan Tuan Guru telah menghidupkan amalan ijtihad sehingga dapat memantapkan pentadbiran kerajaan kerana autoriti ijtihad amat tinggi dalam sistem pentadbiran Islam, contohnya mengadakan kursus kefahaman Islam kepada sektor perkilangan.

Menjadikan Maqasid Syariah sebagai kayu ukur dalam pentadbiran

Menurut konsep *Maqasid Syariah*, Syariah Islamiah seluruhnya bertujuan untuk menjamin masalah manusia di dunia dan di akhirat. Sebab itu Islam telah menyediakan berbagai bentuk program **pembangunan** insan dan program **perlindungannya** yang mantap di semua peringkat.

Kepimpinan Tuan Guru mengambil berat kepada semua tuntutan *maqasid syariah*. iaitu *maqasid/maslahah* Agama Islam, masalah nyawa, masalah keturunan, masalah maruah dan akhirnya masalah harta. Pada masa yang sama *maqasid* lain tidak diabaikan bagi menjamin keselesaan, keceriaan dan kesempurnaan hidup masyarakat iaitu *Maqasid Hajiyat* dan *Maqasid Kamaliyat*.

Memulakan Dengan Perkara Yang Mudah

Tuan Guru Menteri Besar menyatakan hasratnya untuk menjadikan beberapa adab Islam sebagai etika rasmi dalam pentadbiran kerajaan negeri seperti memulakan majlis dengan membaca al-Fatihah dan mengakhirinya dengan surah al-Asr dan Tasbih Kaffarah.²² program penjagaan aurat kepada seluruh kakitangan Kerajaan, termasuk pekerja wanita di pusat perniagaan. Ia tidak memerlukan perbelanjaan yang besar. Begitu juga langkah mengeluarkan semua simpanan tetap kerajaan daripada bank yang mengamalkan riba kepada bank yang tidak mengamalkan riba.

Menghidupkan Solat Sebagai Instrumen Pentadbiran

Sebenarnya kedudukan solat sebagai instrumen penting dalam kehidupan telah ditegaskan oleh al-Quran melalui ayat berikut ;

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ﴿٥٥﴾

Surah al-Baqarah (2) : 45

Maksudnya; *Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang...*

Allah S.W.T menjadikan solat sebagai mekanisme yang hebat untuk membantu manusia menyelesaikan berbagai persoalan hidup. Manusia perlu menggunakan solat untuk melicinkan hidup mereka.

Buku Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam, Kelantan Di bawah Kepimpinan Ulama' telah menyimpulkan bahawa kerajaan negeri telah memperkenalkan solat sebagai satu instrumen baru dalam pentadbiran.

Apabila timbul sesuatu masalah besar atau sesuatu hajat yang penting, maka Tuan Guru Nik Abdul Aziz menggunakan solat hajat dan munajat sebagai instrumen pentadbiran. Solat hajat dijalankan secara beramai-ramai di kawasan terbuka seperti stadium, padang dan sebagainya. Contohnya dalam krisis Pergau 1992, walaupun telah menemui jalan buntu melalui rundingan-rundingan antara Kerajaan Kelantan dengan kerajaan pusat, tetapi setelah dilakukan usaha terakhir melalui solat hajat secara beramai-ramai, maka dengan pertolongan Allah, pihak kerajaan pusat berlembut dan bersedia menyelesaikannya, malah jumlah pampasan yang diberikan adalah melebihi daripada jumlah yang dituntut. Tenaga Nasional yang mengendalikan pembinaan Empangan Pergau telah bersetuju untuk membayar pampasan berjumlah RM117 juta, iaitu lebih RM27 juta daripada jumlah yang dituntut.²³

²² Nik Aziz Nik Mat (1995), *Islam Boleh*, Maahad ad-Dakwah Wal- Imamah, h. ix Arahan Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kota Darul Naim, 9 hb Disember 1990, "Bacaan Sebelum Mesyuarat dan Doa Selepas Mesyuarat", (SUK: D 200(01) /15/2/jld.11/ (15)

²³ *Buletin*, UPKNK, Keluaran Khas, April 1995, h. 7

Instrumen solat hajat ini juga digunakan bagi menyelesaikan krisis perlembagaan yang melibatkan Baginda Sultan Kelantan di mana UMNO menuduh baginda Sultan tidak sah dan cuba menabalkan orang lain sebagai Sultan. Akhirnya cubaan itu gagal.

Apabila UMNO mencadangkan perkataan Islam dibuang daripada parti politik, Hj. Nik Abdul Aziz selaku Mursyidul Am PAS telah mengarahkan semua PAS negeri dan kawasan mengadakan solat hajat. Di peringkat Negeri Kelantan telah diadakan di Pondok Lepa Kadok pada 8 Disember 1994.

Semasa menghadapi pilihanraya umum 1995 juga Kerajaan Angkatan telah mengadakan solat hajat dua hari sebelum menjelang hari pengundian iaitu pada 23 April 1995. Seramai kira-kira 40,000 orang menunaikan solat hajat yang dipimpin oleh Tok Guru Haji Abdullah Lubok Tapah bagi memohon perlindungan Allah daripada fitnah dan serangan BN.

Semasa krisis dengan S46 juga solat hajat beramai-ramai telah diadakan pada bulan Mei 1996 di padang SMU(A) Maahad Muhammadi. Begitu juga solat hajat untuk mengatasi gejala sosial yang semakin parah di kalangan remaja seluruh negara termasuk Kelantan. Ia diadakan pada 22 Julai 2000.

Pada 8 Mei 1998 Nik Aziz telah menganjurkan solat Istisqa' memohon hujan apabila kemarau berpajangan. Ia dipimpin oleh Tuan Guru Haji Hasyim dari Pondok Pasir Tumbuh. Menurut laporan, selepas solat istisqa', orang ramai dapat melihat sekumpulan awan hitam berarak di langit dan selang beberapa hari hujan turun membasahi bumi Kelantan.²⁴

Kedua: Mendokong Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat

Program kebajikan adalah meliputi kebajikan orang awam, kakitangan kerajaan, golongan wanita, orang bukan Islam dan sebagainya. Contohnya: Peruntukan hari bekerja dipinda kepada 5 hari seminggu bagi agensi-agensi kerajaan negeri berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996 bersamaan 10 Sya'ban 1416.²⁵ Pada bulan puasa kakitangan awam diperuntukkan waktu pulang lebih awal.²⁶ Peraturan baru menetapkan tidak membenarkan papan iklan yang memperagakan wanita yang mendedahkan aurat. Cuti bersalin selama 60 hari diperkenalkan bermula 1 Mac 1991.²⁷ Kerajaan pusat telah mengambil pendekatan yang sama pada tahun 1998 melalui Pekeliling Perkhidmatan 2 Tahun 1998 "Kemudahan Cuti Pegawai Bersalin". Pada tahun 1997 kerajaan negeri telah menggezetkan rumah ibadat Buddha dan tanah perkuburan mereka selaras dengan kebebasan beragama dalam negara.²⁸

²⁴ Drs. Zainuddin Awang Hamat & Saipul Bahrin Mohamed, "Solat Sebagai Instrumen Pentadbiran", dalam Dinsman (ed.) (2000) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, h. 71

²⁵ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1995, Kerajaan Negeri Kelantan, "Menyusun Semula Hari dan Masa Bekerja Bagi Jabatan-jabatan, Badan-Badan Berkanun Dan Penguasa-penguasa Tempatan Kerajaan Negeri Kelantan, Bertarikh: 18 Rejab 1416/ 11 Disember 1995.

²⁶ Sebenarnya Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1996 di atas merupakan pindaan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 1991 yang menetapkan waktu bekerja dalam Bulan Ramadhan seperti berikut: a) Hari Sabtu hingga Rabu – Dari jam 8.00 pagi hingga 2.45 petang. b) Hari Khamis- Dari jam 8.00 pagi hingga 12.45 tengahari.

²⁷ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1991, Kerajaan Negeri Kelantan, "Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri Di Bawah Perintah-Perintah Am 25 Dan 26 Bab C", Bertarikh 12 Mac 1991.

²⁸ *Buletin*, UPKNK, Bil 72, April 1997 (edisi internet) Lihat: <http://member.tripod.com/rostan97/majalah/html>. Pendekatan Kerajaan Negeri tersebut adalah bertepatan dengan artikel v, The Constitution of State of Kelantan dan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan

Pada 1hb Januari 1998 Tabung Serambi Mekah bagi menjaga kebajikan orang miskin dan tidak bernasib baik mempunyai dana RM 3,532,780.94. (Tiga juta, lima ratus tiga puluh dua ribu, tujuh ratus lapan puluh ringgit, sembilan puluh empat sen).²⁹ Tabung ini mempunyai dua jenis akaun, iaitu akaun untuk sumbangan yang datang daripada sumber yang halal dan satu lagi akaun untuk sumbangan daripada sumber yang tidak halal seperti wang riba dan sebagainya.³⁰ Cukai jalan beca roda tiga dihapuskan mulai 1.1.1991. Ia melibatkan kira-kira 2,000 pengayuh beca bagi menjaga kebajikan golongan miskin.³¹ Untuk Saudara Baru, Kerajaan memperuntukkan sebanyak 1,000 ekar tanah di Kuala Krai untuk PERKIM membangunkan ladang kelapa sawit bagi kepentingan saudara baru. Ia terletak kira-kira 25 kilometer dari Bandar Kuala Krai dan merupakan kawasan hutan pembalakan yang masih beroperasi. PERKIM telah mula membuka ladang kelapa sawit seluas 80 hektar (200 ekar) di Ulu Kelantan, khususnya bagi penempatan saudara baru yang tidak mempunyai pendapatan tetap.³² Menurut perancangan, mereka akan menjadikan 500 ekar daripada kawasan yang terletak di Hutan Hulu Tembeling, Batu Mengkebang Kuala Krai sebagai ladang kelapa sawit. Manakala 500 ekar lagi sebagai perkampungan saudara baru Islam.

Ketiga : Memperkasakan Amar Makruf Nahi Mungkar

Antara contoh misi amar makruf, ialah :

- i. Mempraktikkan adab majlis yang dianjurkan oleh Islam. memulakan majlis dengan surah al-Fatihah dan mengakhiri majlis dengan surah al-`Asr,³³ menetapkan bahawa sesuatu majlis rasmi hendaklah dimulakan selepas menunaikan solat atau ditamatkan sebelum masuk waktu solat.³⁴ Kerajaan juga menetapkan susunan tempat duduk yang berasingan antara lelaki dan perempuan dalam majlis rasmi.³⁵

(Kebebasan Beragama),cuma tertakluk kepada fasal (4) yang mengawal penyebaran agama lain kepada orang Islam.

²⁹ Ucapan YAB Menteri Besar Kelantan di Majlis sambutan Ulangtahun ke 8 Tabung Serambi Mekah. h. 410

³⁰ *Buletin*, UPKNK, Keluaran Khas Februari 1995, hal. 12. Kerajaan negeri juga memperuntukkan sebanyak RM3.9 juta sebagai bantuan kepada golongan miskin melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jumlah sumbangan kepada penerima juga dinaikkan daripada RM40 kepada RM50 sebulan mulai Januari 1997.

³¹ *Buletin*, UPKNK, Bil..20, Mac/April 1992, h.2, Bagi tujuan memudahkan kawalan ke atas pengayuh beca berkenaan, bayaran lesen sebanyak RM2.00 setahun masih dikekalkan bagi memastikan:

- a) Pemiliknya sendiri yang mengayuh beca tersebut
- b) Peralatan beca mencukupi dan selamat digunakan untuk penumpang
- c) Pemilik/pengayuh mematuhi Undang-undang jalanraya dan
- d) Mengawal beca roda tiga yang beroperasi di Kota Bharu.

³² *Buletin*, UPKNK, Bil. 79, Februari 1998, h. 13

³³ *Pekeliling Pentadbiran Islam*, Bil. 1 Tahun 1994, Kerajaan Negeri Kelantan, "Garis Panduan Bagi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan", Bertarikh 1 Safar 1415/10 Julai 1994. Lihat: Arahan Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, "Bacaan Sebelum Mesyuarat dan Doa Selepas Mesyuarat", 9Disember 1990 SUK D 200(01)15/2/5Jld.11/(15)

³⁴ *Pekeliling Pentadbiran Islamiah*, Bilangan. 1 Tahun 1994, Kerajaan Negeri Kelantan, "Garis Panduan Bagi Majlis-majlis Rasmi Kerajaan", bertarikh:1 Safar 1415/10 Julai 1994. .Drs. Zainuddin Awang Hamat & Dinsman, "Kepimpinan dan Pentadbiran 'Membangun Bersama Islam"dalam Dinsman (ed.)(2000) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kelantan, *op.cit*, h. 57.

³⁵ *Pekeliling Pentadbiran Islamiah*, Bilangan 1 Tahun 1994, Kerajaan Negeri Kelantan, "Garis panduan Bagi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan", 1 Safar 1415/10Julai 1994

- ii. Menubuhkan Unit Dakwah Halaqat³⁶ di bawah Bahagian Dakwah JHEAIK. Unit ini diketuai oleh Ketua Pengelola Dakwah Halaqat Negeri. Ia diwujudkan di setiap kawasan yang diketuai oleh pegawai pengelola kawasan. Mengadakan kempen kesedaran menutup aurat. Kakitangan wanita diwajibkan memakai pakaian menutup aurat.³⁷
- iii. Kempen papan tanda tatasusila berpakaian dan sepanduk yang bertulis “Terima kasih kerana menutup aurat semasa berada di Kelantan” di pintu masuk ke Kelantan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bermula tahun 1996.³⁸ Arahan untuk menguatkuasakan pakaian menutup aurat bagi anggota perkhidmatan awam semasa bertugas telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil 1/1993 bertarikh 5 Sya`ban 1413 bersamaan dengan 28 Januari 1993. Kerajaan negeri juga telah menetapkan kuatkuasa pakaian menutup aurat kepada pekerja-pekerja di premis perniagaan pada 1 Januari 1992.³⁹ Untuk itu tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana premis termasuk menarik balik lesen-lesen premis perniagaan sekiranya didapati pekerja-pekerja tidak mematuhi peraturan menutup aurat. Kuatkuasa etika pakaian Islam (menutup aurat) menetapkan bahawa ianya menjadi syarat pengeluaran lesen premis oleh pihak berkuasa tempatan.
- iv. Mewujudkan hotel yang berkonsepkan Islam seperti Hotel Ansar yang terletak di Kota Bharu. Ia bebas dari unsur maksiat dan arak. Kerajaan juga mensyaratkan pemaju supaya rumah dibina dengan sekurang-kurangnya tiga bilik tidur, bagi memenuhi tuntutan Islam yang mengasingkan bilik antara anak lelaki dan perempuan.⁴⁰
- v. Mulai tahun 1995 MPKB telah mengarahkan semua pasaraya menghentikan urusan waktu solat jumaat bagi kemudahan pekerja menunaikan Solat Jumaat. Di samping itu, 3 kawasan pasar malam diarah supaya menghentikan sementara urusan jual beli untuk menunaikan Solat Maghrib secara berjamaah, iaitu pasar malam Parit Dalam, Kubang Kerian dan Pengkalan Chepa. MPKB memperluaskan pelaksanaan siasah ini ke pasar-pasar malam yang lain yang mempunyai kemudahan tempat Solat berjamaah.
- vi. Kerajaan juga telah mengarahkan pemakaian Kalendar Hijrah dalam urusan pentadbiran.⁴¹ Penggunaan tulisan jawi pula dikuatkuasakan bersama tulisan rumi di atas sebarang bentuk tanda perasmian, perletakan batu asas atau seumpamanya

³⁶Ustaz Mohd Daud Iraqi, "Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulamak'", dalam Hj. Haron B. Taib (ed.) (2000), *Model Kerajaan Islam, Dewan Pemuda PAS Pusat*, Perubahan-perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulamak', Isu-isu Perkembangan Pentadbiran Kerajaan PAS Negeri Kelantan, h. 6-7, Fungsi Bahagian Dakwah di JHAEIK dipertingkatkan, meliputi 3 unit utama iaitu Unit Dakwah Am, Unit Dakwah Halaqat dan Unit Ta`mir Masjid, bagi menjayakan program-program akwahnya kepada masyarakat.

³⁷ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/1993, , Kerajaan Negeri Kelantan, “Peraturan Berpakaian Masa Bertugas Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan”, Bertarikh 28 Januari 1993

³⁸ *Harakah*, Jumaat 15 Disember 1995, h. 2

³⁹ *Buletin*, UPKNK, Bil.18, Januari 1992, h. 1

⁴⁰*Buletin*, UPKNK, Keluaran Khas April 1995, h. 9

⁴¹ Pekeliling Pentadbiran Islamiah, Kerajaan Negeri Kelantan, Bil. 1 Tahun 2000, “Pemakaian Kalender Hijrah Dalam Urusan Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan”. Bertarikh: 14 Jamadil Akhir 1421/13 September 2000.

yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan atau melibatkan pemimpin-pemimpin kerajaan negeri.⁴²

Bagi menjayakan misi nahi mungkar, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah, antaranya:

i. Menghapuskan Kegiatan Pelacuran

Kegiatan maksiat ini kebiasaannya berjalan pada waktu malam di beberapa kawasan seperti di Jalan Hamzah. Pondok-pondok kecil didirikan untuk tujuan tersebut. Pada siang harinya dipenuhi dengan kegiatan perniagaan, tetapi bertukar menjadi pusat pelacuran pada sebelah malam, terutamanya pada malam minggu.⁴³

Kerajaan negeri dengan kerjasama MPKB, polis, Jabatan Imegresen, Jabatan Agama Islam, Unit Dakwah Halaqat⁴⁴ dan orang ramai telah bertindak membenteras dan merobohkan pusat pelacuran yang terdapat di sekitar bandar Kota Bharu dan juga pinggir bandar.⁴⁵ MPKB telah merobohkan terus pondok-pondok kecil yang digunakan sebagai pusat kegiatan mereka dan menjadikan kawasan tersebut sebagai tapak pasar borong. Sekarang ini tapak tersebut telah dibangunkan dengan sebuah pusat perniagaan moden yang dikenali sebagai KB Mall.

ii. Melaksanakan Peraturan Baru Kedai Gunting Rambut

Pada tahun 1990 terdapat 144 buah kedai gunting yang beroperasi dalam kawasan MPKB iaitu 55 Melayu, 85 Cina, 3 India dan 1 Siam. Daripada jumlah ini, 52 daripadanya adalah kedai gunting unisex. Kerajaan Negeri melalui MPKB telah mengenalpasti berlakunya kegiatan maksiat di beberapa kedai gunting unisex. MPKB telah mengenakan syarat-syarat untuk memperbaharui lesen bagi semua kedai gunting sebagaimana berikut:⁴⁶

- a) Kawasan perniagaan hendaklah lapang dan tidak berbilik.
- b) Pekerja hendaklah berpakaian sopan dan berpakaian seragam.
- c) Memakai kad pengenalan.
- d) Pekerja tidak boleh melebihi sekali ganda dari jumlah kerusi.
- e) Minuman adalah tidak dibenarkan.
- f) Waktu berniaga tidak melebihi jam 10.00 malam.
- g) Pengambilan pekerja hendaklah tertakluk kepada undang-undang buruh.
- h) Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan pada malam Jumaat.

Syarat-syarat yang dikenakan ini bertujuan untuk menghindarkan gejala maksiat di premis-premis kedai gunting khususnya kedai gunting rambut wanita.

⁴² Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2001, Kerajaan Negeri Kelantan, "Penggunaan Tulisan Jawi", Bertarikh: 16 Syawal 1422/ 31 Disember 2001.

⁴³ *Berita Minggu*, Ahad 13.1.1991

⁴⁴ Lihat laporan penuh dalam *Utusan Malaysia*, Isnin 21.12.1992, bertajuk: Operasi MPKB: Kasino Mini dan Sarang Pelacuran Jalan Hamzah diroboh. Lihat juga *Berita Harian*, 17.1.1991.

⁴⁵ Wan Nik Wan Yusoff, "Positif Terhadap Perkembangan Budaya dan Seni", dalam Dinsman (ed.)(2000) *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kelantan, h. 120

⁴⁶ Dasar-Dasar Perlesenan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bagi Tahun 1990 Hingga 2005, Jabatan Perlesenan MPKB, April 2005, h. 1, Lihat juga laporan dalam *Berita Harian*, Sabtu 15.1 1994, Lihat juga Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pemandan Rambut Majlis Perbandaran Kota Bharu 1986.

iii. Membatalkan Lesen Pusat Hiburan dan Permainan Video Games, Snoker dan Karaoke⁴⁷

Bermula pada 1/1/1993, MPKB telah membatalkan semua lesen premis pusat video Games dan snoker. Pusat permainan ini dibatalkan kerana terus terlibat dengan kegiatan perjudian dan maksiat, di samping menjadi tumpuan pelajar-pelajar yang ponteng sekolah dan meningkatkan lagi gejala sosial.⁴⁸Tindakan ini adalah selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar Bil.4/91 pada 22/6/1992.

iv. Menghentikan Kegiatan Kelab Malam

Kegiatan kelab malam sebenarnya bercanggah dengan kehendak Islam kerana melibatkan pergaulan bebas, minuman keras, pendedahan aurat, pembaziran wang dan sebagainya. Ia mendatangkan kesan yang buruk kepada masyarakat. Oleh itu kerajaan negeri telah mengambil siasah **menutup ruang** bertambahnya maksiat yang membahayakan generasi muda dan masa depan Negara.

v. Menghapuskan Amalan Tender Runding dalam Urusan Tender Kawasan Balak.

Tindakan ini dapat **mengelak** berlakunya penyelewengan dalam urusan tender kawasan balak yang merugikan kerajaan. Amalan tender runding yang digunakan sebelum ini membuka peluang yang luas untuk diperalatkan oleh pihak tertentu. Kaedah ini dapat menghindarkan berlakunya monopoli syarikat-syarikat besar atau syarikat bayangan orang berpengaruh, seterusnya telah menambahkan pendapatan kerajaan berlipat kali ganda seperti yang ditunjukkan dalam carta di bawah.⁴⁹

TAHUN	KUTIPAN HASIL
1989	RM39,898,004.75
1990	RM43,738,810.81
1991	RM44,946,771.77
1992	RM49,559,735.81

Sumber: Buletin Kelantan Jun 1993

vi. Menyusun Semula Penjualan Arak⁵⁰

Kerajaan Kelantan telah mengambil langkah menyusun semula penjualan arak pada 1hb Julai 1993 dalam rangka mengawal kegiatan minum arak di kalangan orang Islam. Dengan penyusunan semula tersebut, hanya 19 premis penjualan arak diberikan kebenaran di seluruh Kelantan berbanding 32 buah premis sebelum itu. Daripada jumlah itu, 12 buah di Kota Bharu, 3 di Gua Musang, 2 di Kuala Krai, 1 di Tanah Merah dan 1 di Pasir Mas. Dengan penguatkuasaan peraturan baru itu,

⁴⁷ Lihat: Seksyen 1, Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat Hiburan, Enakmen 8 Tahun 1998 (Jadual Seksyen 1), Kerajaan Kelantan. Lihat: *Taklimat Kepada Jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan Negeri* pada 15 Februari 2000 di Bilik Gerakan Negeri, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), h. 29

⁴⁸ *Berita Harian*, Sabtu 2.4.1994

⁴⁹ *Buletin*, UPKNK, Bil. 34, Jun 1993, h 4 . *Buletin*, UPKNK, Bil 80 Mac 1998, h. 3 melapor pungutan hasil sumber perhutanan Kelantan pada tahun 1997 berjumlah RM 78.82 juta, melebihi RM 9.52 juta (14.4 peratus) daripada anggaran awal. Datuk Halim Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Perancang, Kewangan dan Pentadbiran Awam menjelaskan pengurusan hutan yang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri adalah lebih baik tanpa melakukan tender runding.

⁵⁰ *Buletin*, UPKNK, Keluaran Khas, Februari 1995, h. 10.

kerajaan memberikan masa sebulan kepada pemilik kedai untuk menghabiskan stok-stok yang masih ada.⁵¹

Namun begitu kelonggaran tetap diberikan kepada mereka ketika meraikan majlis agama, perkahwinan, hari jadi dan kebudayaan, dengan syarat terlebih dahulu memaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan

vii. **Mengharamkan Judi TOTO dan 4 Nombor Ekor**

MPKB telah membatalkan semua lesen premis kedai TOTO dan Kedai 4 Nombor Ekor yang beroperasi di bandar Kota Bharu. Pembatalan ini melibatkan 17 buah kedai TOTO dan 2 buah kedai 4 Nombor Ekor.⁵²

Judi merupakan satu gejala sosial yang buruk dan membawa banyak kerosakan kepada masyarakat. Perkara ini dihuraikan oleh Menteri Besar ketika mengemukakan peraturan mengharamkan segala bentuk judi dalam Belanjawan Negeri Kelantan 1991 pada 11 Disember 1990.⁵³

Langkah ini telah dapat membebaskan masyarakat daripada belunggu kemungkar dan maksiat, termasuklah beberapa gejala buruk yang lain seperti pembunuhan, keruntuhan rumahtangga, pergaduhan, tekanan hutang dan sebagainya. Perkara ini telah dinyatakan oleh al-Quran ayat berikut;

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

Surah al- Maidah(5): 91

Maksudnya: *Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum) khamar dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingat Allah dan sembahyang. Maka berhentilah kamu (dari mengerjakan perbuatan itu).*

Keempat: Mengamalkan Kesederhanaan Dalam Pentadbiran

Kesederhanaan di sini bermaksud kerajaan menerima pakai apa saja yang baik yang telah berjalan sebelum itu dan menyelaraskan apa-apa yang bercanggah dengan prinsip Islam. Dengan kata lain, kerajaan tidak memusuhi norma dan budaya yang sesuai dengan ajaran Islam. Di antara contoh kesederhanaan pentadbiran Tuan Guru ialah:

Menyelaraskan Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian Mengikut Prinsip-prinsip Islam

Dalam rangka memurnikan aktiviti kebudayaan dan kesenian di Kelantan, kerajaan negeri telah memperkenalkan beberapa program berikut:⁵⁴

⁵¹ *Buletin*, UPKNK, Bil. 35, Julai 1993, h. 1

⁵² Taklimat Kepada Jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan Negeri pada 15 Februari 2000 di Bilik Gerakan Negeri, h. 27.

⁵³ Lihat Buku Belanjawan Negeri Kelantan 1991 pada 11 Disember 1990.

⁵⁴ Dasar Kebudayaan Negeri Kelantan 1998, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, h. 4-5

- a) Meluluskan Dasar Kebudayaan Negeri 1998 berteraskan prinsip Islam.⁵⁵ Dasar tersebut menetapkan matlamat dan prinsip kebudayaan dan kesenian bagi Negeri Kelantan berlandaskan syariah Islam, dengan falsafahnya: “Kebudayaan Islam Menjana Masyarakat Rabbani”. Kerajaan negeri juga memasukkan acara seni dan budaya Islam dalam Karnival Kebudayaan Kelantan yang bermula pada tahun 1996 di perkarangan Stadium Sultan Mohamad ke 1V, Kota Bharu.
- b) Meluluskan Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003 di Negeri Kelantan seperti menghapuskan mana-mana kesenian yang bersifat pemujaan seperti Menora, Mak Yong, Main Puteri, Selampit, Wayang Kulit⁵⁶ Tinju Siam dan Pelaga Binatang. Adapun Dikir Barat yang tidak melibatkan percampuran antara lelaki dan perempuan serta tidak mengandungi kata-kata lucah, mencela, maki hamun, unsur-unsur syirik dan fitnah adalah dibenarkan⁵⁷.
- c) Memperincikan prinsip keislaman di dalam Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Dalam seksyen 23 (3) menyebut: Tiada seorang perempuan pun boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh orang perempuan. Kerajaan negeri juga mengutamakan nilai-nilai Islam di dalam Peraturan-peraturan Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1999⁵⁸ seperti berpakaian sopan, tiada pertaruhan atau perjudian, tiada bir atau minuman memabukkan.

Menteri Besar menjelaskan bahawa kerajaan tidak memusuhi kebudayaan, sebaliknya ia bertujuan memurnikan budaya selaras dengan ajaran Islam.

Menyelaraskan Ekonomi/Kewangan dengan Prinsip-prinsip Islam

Dalam melaksanakan pembangunan ekonomi yang selaras dengan falsafah "Membangun Bersama Islam", Kerajaan Negeri telah memperkenalkan langkah berikut:⁵⁹

- a) Mengasingkan akaun kerajaan negeri di antara halal dan haram seperti sumber pendapatan yang diperolehi daripada lesen arak, anjing, perniagaan babi yang dijalankan oleh orang-orang bukan Islam.⁶⁰ Begitu juga dalam urusan pengagihan sumber tersebut diasingkan supaya orang Islam tidak terlibat dengan sumber yang tidak halal tersebut.
- b) Memindahkan simpanan tetap kerajaan negeri dari bank yang mengamalkan sistem konvensional (Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang mengandungi unsur riba) ke Bank Islam Malaysia Berhad.
- c) Melaksanakan Sistem Gadaian Islam (*al-Rahn*) mulai tahun 1992. Sistem ini kemudiannya ditiru dan diterima pakai oleh Yayasan Pembangunan Islam Malaysia dan Bank Rakyat⁶¹.

⁵⁵ Sila lihat Dasar Kebudayaan Negeri Kelantan 1998

⁵⁶ Pada 23 Mac 2003, Kerajaan Negeri membenarkan pertunjukan wayang kulit versi baru yang tidak melibatkan unsur-unsur pemujaan, patung menyerupai benda-benda bernyawa dan jalan cerita yang karut marut. Wayang versi baru itu telah diubahsuai oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur. Ia juga dinamakan sebagai Wayang Dewan.

⁵⁷ Sila lihat cadangan garis panduan persembahan kebudayaan (hiburan) di Negeri Kelantan. Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, “Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003”, bertarikh: 23 Oktober 2003

⁵⁸ Sila lihat Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan, Enakmen no. 8 Tahun 1998, Kerajaan Kelantan.

⁵⁹ Siri Fikrah YAB Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan (1995), h. 20-21.

⁶⁰ Perubahan-perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama’, Isu-isu Perkembangan Pentadbiran PAS Negeri Kelantan. 10.

⁶¹ *Ibid.*, h. 16.

- d) Menghapuskan sistem pinjaman berunsurkan riba. Dengan itu kerajaan telah memperkenalkan skim pinjaman secara Islam kepada kakitangan kerajaan negeri. Pinjaman tanpa faedah bagi pembelian rumah dan kenderaan ini diberikan kepada kakitangan yang berkelayakan bermula 1 Januari 1995.⁶²
- e) Menjual balik saham-saham yang diurusniagakan yang tidak mengikut syariat Islam. Saham-saham berjumlah 2.25 juta itu diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan kepada Yayasan Kelantan pada tahun 1992. Saham-saham tersebut dijangka mampu menghasilkan keuntungan lebih daripada separuh pelaburan pokok.⁶³
- f) Menetapkan dasar Islam dalam dasar pelancongan negeri dengan meluluskan Dasar Pelancongan Negeri 1998 yang berprinsipkan Islam. Dasar ini mendokong cita-cita untuk membentuk dan membangunkan sektor pelancongan sebagai satu ibadat kepada Allah S.W.T berasaskan prinsip Amar Makruf Nahi Mungkar.⁶⁴

Dengan itu kerajaan negeri dapat menjana dan menguruskan sistem kewangan yang selaras dengan prinsip Islam sekaligus menjamin kepentingan masyarakat. Malah polisi kewangan yang selaras dengan Islam itu dapat meletakkan kedudukan kewangan kerajaan negeri dalam keadaan yang "selesa", tidak berhutang dan dapat melunaskan hutang kerajaan pusat yang ditinggalkan oleh Kerajaan BN sebelum itu mengikut jadual yang ditetapkan.

Sebenarnya siasah kewangan dan ekonomi yang menepati kehendak Islam telah memberikan kesan yang sangat positif kepada perkembangan ekonomi negeri. Kajian ilmiah tentang kesan pelaksanaan "Membangun Bersama Islam " terhadap hasil negeri Kerajaan PAS Kelantan, telah memperakukan bahawa segala peraturan dan perundangan Islam yang dilaksanakan oleh Kerajaan PAS Kelantan memberi kesan positif terhadap hasil negeri secara langsung dan secara tidak langsung. Kajian tersebut telah dijalankan oleh Encik Abd. Rahim Anuar dan Cik Azizah Mohd Yusof, pensyarah Sekolah Ekonomi Universiti Utara Malaysia. Hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Majlis Wacana Islam dan Kemakmuran Ekonomi di Dewan Teratai, Kota Darulnaim, Kota Bharu pada 16 Mac 1999. Pengkaji dengan itu telah mencadangkan perundangan dan peraturan yang diperkenalkan di Negeri Kelantan untuk dikembangkan ke peringkat persekutuan dan kekangan-kekangan undang-undang yang ada hendaklah dihapuskan.⁶⁵

Kelima: Memperkasakan Sistem Perundangan Islam.

Oleh kerana belum ada sistem perundangan Islam yang lengkap yang dilaksanakan, maka kerajaan negeri mengambil tanggungjawab menyediakan sistem perundangan Islam. yang diberi nama Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Undang-undang tersebut telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan yang merupakan manifestasi kepada hasrat kerajaan untuk melaksanakan undang-undang Islam atau hukum hudud.⁶⁶ Enakmen ini telah disiapkan oleh sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Ustaz Haji Abd. Halim B. Abdul. Rahman. Ia telah disemak dan disahkan oleh Jemaah Ulamak' Majlis Ugama Islam serta Sahibul Samahah Dato' Mufti dari sudut Hukum Syarak.⁶⁷ Walaupun terdapat kritikan daripada pihak pemimpin UMNO terhadap enakmen

⁶² *Buletin*, UPKNK, Bil 61, Januari 1995, h. 4

⁶³ *Harakah*, Jumaat 5 April 1996, h. 32.

⁶⁴ Sila lihat *Dasar Pelancongan Negeri Kelantan*, UPEN

⁶⁵ *Buletin*, UPKNK, Bil 89, Mac 1999, h. 4 & 9

⁶⁶ Sila lihat Kanun Acara Jenayah Syariah 11 (1998) Kelantan.

⁶⁷ Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempuh Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kelapan pada 6hb,7hb, 8hb, 9hb, 10hb dan 11hb. Jamadi Akhir 1414H

itu, namun persoalan yang dibangkitkan itu tidak menjejaskan nilai dan statusnya sebagai sebuah Enakmen Hudud Islam sebagaimana yang ditegaskan oleh beberapa orang tokoh Islam.⁶⁸ Namun begitu kerajaan pusat di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad menghalang kerajaan negeri daripada melaksanakan enakmen itu di Kelantan.⁶⁹

Keenam: Memperkenalkan Aliran Tahfiz dan Sains Tahfiz Dalam Pendidikan Islam

Pengajian aliran Tahfiz Quran dan Qiraat telah mula beroperasi pada sesi pertama 91/92 di Pulau Chondong, Machang yang bermatlamat untuk melahirkan Ulamak' dan para huffaz yang mampu memahami isi kandungan al-Quran dan menjadi tempat rujuk masyarakat, memelihara kesucian al-Quran dan keasliaan bacaan dari sebarang penyelewengan, mempunyai ilmu pengetahuan, beriman, beramal soleh, bertaqwa dan berakhlak mulia⁷⁰. Bagi mencapai hasrat melahirkan golongan professional yang mahir dan menghafaz al-Quran pula, maka Tuan Guru telah memperkenalkan aliran Tahfiz Sains sehingga menjadi rebutan para ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti pengajian tersebut yang bermula pada tingkatan satu. Pengajian tersebut telah mula beroperasi pada 4 Februari 2004 dengan pendaftaran pelajar baru seramai 60 orang pelajar lelaki di Bangunan Maahad Muhammadi Lelaki dan 53 orang pelajar perempuan di bangunan Maahad Muhammadi Perempuan.

PENUTUP

Secara keseluruhannya Kepimpinan Tuan Guru Nik Aziz di Kelantan menjadi satu institusi politik Islam yang disegani dan melakar sejarah tersendiri dalam pentadbiran dan politik, kerana berjaya membangunkan Islam dan memberi khidmat kepada rakyat Kelantan selama lebih 20 tahun. Perkembangan ini menunjukkan bahawa Tuan Guru telah berjaya membawa kesejahteraan kepada masyarakat dan dapat meletakkan kedudukan Islam sebagai dasar pemerintahan.

Kepimpinan Tuan Guru di dalam Kerajaan Kelantan telah memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan Islam dan masyarakat dengan menggunakan pendekatan sederhana dalam politik dan pentadbiran. Namun begitu beberapa aspek kelemahan pentadbiran perlu diatasi supaya lebih banyak pencapaian dapat dibuat pada masa akan datang dan tidak sekadar berbangga dengan pencapaian lama.

RUJUKAN

Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pemandan Rambut Majlis Perbandaran Kota Bharu 1986.

Arahan Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kota Darul Naim, 9 hb

bersamaan 20hb, 21hb, 22hb, 23hb, 24hb, dan 25hb. November 1993, Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan, hal. 221

⁶⁸ Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, "Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993: Satu Analisis", dalam *Jurnal Syariah, Akademi Pengajian Islam*, Jilid 2 Bilangan 2 , Julai 1994, h. 94 - 103, Lihat *Buletin*, UPKNK, Bil. 63, April 1995, h. 2

⁶⁹Tarmizi Mohd Jam (1995), *op.cit*, h. 57

⁷⁰ Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Pertama Bagi Tempuh Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kelapan pada 18hb.dan 19hb. Syawal 1413H bersamaan 11hb. dan 12hb. April1993, Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan, h. 54-55.

Disember 1990, “Bacaan Sebelum Mesyuarat dan Doa Selepas Mesyuarat”, (SUK: D 200(01) /15/2/jld.11/ (15)

Arif Khalil Abu Id, Dr (1996), *Nizam al-Hukm fi al-Islam*. Urdun, Dar al-Nafa'is.

Al-Bukhariy (1986) *Sahih al-Bukhariy* (Cetak Bersama kitab Fath al-Bari), Kaherah; Dar al-Rayyan.

Berita Minggu

Buletin, UPKNK

Cadangan garis panduan persembahan kebudayaan (hiburan) di Negeri Kelantan. Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003, bertarikh:23 Oktober 2003

Dasar Kebudayaan Negeri Kelantan 1998, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan,

Dasar Pelancongan Negeri Kelantan, UPEN

Dasar-Dasar Perlesenan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bagi Tahun 1990 Hingga 2005, Jabatan Perlesenan MPKB, April 2005

Disman (edit) (2000). *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*, Kota Bharu, Pusat Kajian Strategik

Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan, Enakmen no. 8 Tahun 1998, Kerajaan Kelantan.

Harakah

Ismail Yusuf , "Nik Aziz: Pemikir Islam dan Penglibatan Politik", *Pemikir*, Oktober 2000,

Jamal Mohd. Lokman Sulaiman (1999) *Biografi Tuan Guru Dato Haji Nik Abdul Aziz, Seorang Ulama serta Ahli Politik Malaysia di Abad ke 20*, Sulfa Human Resources Development,

Kanun Acara Jenayah Syariah 11 (1998) Kelantan.

Kelantan Membangun Bersama Islam - Program Angkatan Perpaduan Ummah Negeri Kelantan – Pilihanraya Umum 1995, Angkatan Perpaduan Ummah Negeri Kelantan

Kerajaan Negeri Kelantan, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1991, Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri Di Bawah Perintah-Perintah Am 25 Dan 26 Bab C, Bertarikh 12 Mac 1991.

Al-Mawardi (1973). *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyah*, Mesir; Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih

Hj Mohd Daud, Hj. Wan Jamil Wan Mahmood, Ramli Abdul Halim (2000). *Status Kelantan Pasti Berubah*, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKNK),

Mohd Sayuti Omar (1991). *Kelantan Selepas Pantang*. Kuala Lumpur: Tinta Merah

Nik Aziz Nik Mat (1995). *Islam Boleh*, Maahad ad-Dakwah Wal- Imamah,

Panduan persembahan kebudayaan (hiburan) di Negeri Kelantan. Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, “Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003”, bertarikh:23 Oktober 2003

Perlembagaan Parti Islam se Malaysia (PAS) (Pindaan 2001) fasal 5 (1)

Perubahan-perubahan di Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama’, *Isu-isu Perkembangan Pentadbiran Kerajaan PAS Negeri Kelantan (1999)*, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1995, Kerajaan Negeri Kelantan, “Menyusun Semula Hari dan Masa Bekerja Bagi Jabatan-jabatan, Badan-Badan Berkanun Dan Penguasa-penguasa Tempatan Kerajaan Negeri Kelantan, Bertarikh: 18 Rejab 1416/ 11 Disember 1995.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1991, Kerajaan Negeri Kelantan, “Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri Di Bawah Perintah-Perintah Am 25 Dan 26 Bab C”, Bertarikh 12 Mac 1991.

Pekeliling Pentadbiran Islam, Bil. 1 Tahun 1994, Kerajaan Negeri Kelantan, “Garis Panduan Bagi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan”, Bertarikh 1 Safar 1415/10 Julai 1994. Lihat: Arahan Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, “Bacaan Sebelum Mesyuarat dan Doa Selepas Mesyuarat”, 9Disember 1990 SUK D 200(01)15/2/5Jld.11/(15)

Pekeliling Pentadbiran Islamiah, Bilangan. 1 Tahun 1994, Kerajaan Negeri Kelantan, “Garis Panduan Bagi Majlis-majlis Rasmi Kerajaan”, bertarikh:1 Safar 1415/10 Julai 1994.

Pekeliling Pentadbiran Islamiah, Bilangan 1 Tahun 1994, Kerajaan Negeri Kelantan, ”Garis panduan Bagi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan”, 1 Safar 1415/10Julai 1994,

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/1993, , Kerajaan Negeri Kelantan, “Peraturan Berpakaian Masa Bertugas

Pekeliling Pentadbiran Islamiah, Kerajaan Negeri Kelantan, Bil. 1 Tahun 2000, “Pemakaian Kalender Hijrah Dalam Urusan Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan”. Bertarikh:14 Jamadil Akhir 1421/13

Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2001, Kerajaan Negeri Kelantan, “Penggunaan Tulisan Jawi”, Bertarikh: 16 Syawal 1422/ 31 Disember 2001.

Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempuh Penggal Keempat

Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kelapan pada 6hb,7hb, 8hb, 9hb, 10hb dan 11hb.Jamadi Akhir 1414H bersamaan 20hb, 21hb, 22hb, 23hb, 24hb, dan 25hb. November 1993, Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan,

Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempuh Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kelapan pada 6hb,7hb, 8hb, 9hb, 10hb dan 11hb.Jamadi Akhir 1414H bersamaan 20hb, 21hb, 22hb, 23hb, 24hb, dan 25hb. November 1993, Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan,

Siri Fikrah YAB Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Asas Pentadbiran Islam, Siri 1,

(1995). Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.

Tarmizi Mohd Jam dan Md Nadzir Jusoh (1995). *Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Kelantan Agenda Baru Untuk Umat Islam*, Kuala Lumpur: Rangkaian Minda Publishing.

Taklimat Kepada Jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan Negeri pada 15 Februari 2000 di Bilik Gerakan Negeri, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).

Utusan Malaysia

Wan Ismail bin Wan Jusoh (1999). *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan. Kota Bharu*; Dian Darulnaim Sdn Bhd

Yahya Ismail (2001). *Perayaan Jubli Emas 50 Tahun PAS, Tuan Guru Nik Aziz Kepimpinan Ulama Dalam Politik Nasional*, Petaling Jaya: Usaha Teguh Sdn. Bhd.